

Pantai terhakis teruk

Butterworth

Fenomena air pasang besar yang berlaku di negeri ini sejak Ahad lalu mengakibatkan berlakunya hakisan teruk manakala beberapa tebing di persisiran pantai di sini, turut runtuh.

Antara kawasan terjejas teruk sepanjang persisiran Pantai Bagan Ajam berhampiran Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (LLL).
Tinjauan Harian Metro mendapati hakisan sepanjang hampir 200 meter di Pantai Bagan Ajam menyebabkan tebing runtuh berikutan air pasang besar setinggi kira-kira 5.2 meter.

Difahamkan, ketika kejadian air pasang besar Ahad lalu, air dan pasir memenuhi sebahagian LLLB berhampiran Plaza Tol Bagan Ajam.


FAKTA
Air pasang besar setinggi 5.2 meter

Bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan dilihat menambak pasir bagi mengelak

air laut masuk ke LLLB jika air pasang besar berulang. Antara kawasan lain turut terjejas dan mengalami banjir ialah Kampung Manis,

Prai dan Taman Mangga, Juru. Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) David Marshal ber-

■ Tebing Pantai Bagan Ajam runtuh dipukul ombak pasang besar



KEADAAAN angin kencang dan laut bergelora menyebabkan ombak besar menghempas benteng di Padang Kota Lama.

kata, fenomena air pasang besar yang berlaku kali ini amat luar biasa kerana air naik sehingga 5.2 meter. Beliau berkata, MPSP akan melakukan pemerhatian 24 jam bagi memastikan penduduk yang mengalami ma-

salah banjir akibat air pasang besar ditempatkan di pusat pemindahan berdekatan. "Tindakan segera diambil MPSP dengan membersihkan sampah sarap di sungai yang terjejas akibat kejadian berkenaan," katanya.



KANAK-KANAK bermain air banjir yang melanda beberapa buah rumah di Kampung Manggis.